

Qalam

KDN 3036

Ramadān 1388

Disember 1968

Bilangan 218

60 sen.

Selamat Berpuasa dan Berhari Raya

Dengan keluaran ini, Qalam dan kakitangannya menyampaikan ucapan “Selamat Berpuasa” dan seterusnya mengucapkan “Selamat Berhari Raya”, *mina al-‘ā’idīni al-fa’idhīni¹ al-maqbūlin* kepada pembaca-pembacanya. Mudah-mudahan kita bersama dapat pula menikmati masa berpuasa pada tahun hadapan yang disudahi pula dengan hari rayanya – amin.

Allāhu akbar, Allāhu akbar, Allāhu akbar! Di dalam masa negara kita di tangan penjajah dan di masa agama Islam belum menjadi agama rasmi Malaysia Barat ini (yang dahulunya jadi Negeri-negeri Melayu yang Bersekutu dan Tidak Bersekutu) kita hampir-hampir tidak mendengar adanya orang-orang Melayu (Islam) yang memeluk agama lain dan tidak pula melihat banyaknya gereja-gereja didirikan di kampung yang penduduknya dikeliling dan didiami oleh orang Islam, tetapi hari ini, sesudah kita berkerajaan sendiri, sesudah Islam dijadikan agama rasmi di Malaysia Barat ini, banyak didapati orang-orang Islam telah menukar agamanya, dan banyak pula gereja-gereja serta kuil-kuil berdiri di tempat orang-orang Islam, bahkan yang demikian ini nampaknya digalakkan. “Kebebasan beragama”

yang menjadi dasar kerajaan sehingga tidak menjadi suatu kepayahan lagi kalau ketua-ketua negara yang beragama Islam berangkat ke dalam istiadat membuka tempat persembahan orang-orang kafir yang tidak percaya kepada Allah sebagai yang didasarkan oleh Allah dan disampaikan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Allāhu akbar! Mengapa kita yang sepatutnya, dengan merdeka itu, menjadi satu bangsa yang kuat, agama kita tinggi dan makin bersemarak, sedang masa sekarang – selepas kita merdeka – banyak yang memeluk agama lain dan keluar daripada agama Islam? Mengapa anak-anak kita yang dahulu taat dan mengambil berat perihal agama yang yang dianutnya sekarang jangan tidak sahaja? Mereka bernama si Ali, Muhammad dan lain-lainnya nama orang Islam, tetapi perangai dan kelakuan mereka bertentangan dan berlawanan dengan Islam.

Allāhu akbar! Kalau dahulu masjid-masjid kita buruk dan seada-adanya sahaja, *al-hamduli Lāh* sekarang banyak mercup masjid-masjid yang cantik dibuat dan mahal harganya, tetapi umat dahulu memenuhi masjid-masjid yang buruk, malahan sekarang masjid-masjid yang cantik dan indah itu kosong, sekalipun disiapkan makanan dan sepertinya supaya jemaah-jemaahnya banyak datang. Mengapa?

Allāhu akbar! Inilah persoalan-persoalan yang mustahak dimenung dan diperhatikan oleh umat Islam dan pemimpin-pemimpin Islam masa ini! Ingatlah bahawa kita bertanggungjawab atas maju dan mundurnya umat Islam masa sekarang dan kita akan ditanya kelak perihalnya. Jika umat Islam berbalik murtad memeluk agama Kristian maka itu adalah tanggungjawab umat Islam seluruhnya, jika masyarakatnya dipengaruhi oleh tamadun Barat yang buruk – kita semuanya bertanggungjawab, jika masjid kosong dan tidak mengajar dan mengadakan kitab-kitab dan usaha-usaha supaya

¹ Perkataan sebenar ialah *al-fa’izīni*.

mereka tebal imannya, kita bertanggungjawab. Sebab itu tiap-tiap anggota masyarakat Islam seluruhnya hendaklah memikirkan hal ini mereka mestilah ingat bahawa ini bukanlah semata-mata tanggungan alim ulama Islam sahaja.

Pejabat Agama Islam Selangor dengan Seruan Kristian

Apabila timbul berita dua lapan puluh orang lebih memeluk agama Kristian, maka Pejabat Agama Johor berkakok mengatakan bahawa mereka di sana tidak ada orang Islam yang memeluk agama Kristian, kerana jabatan itu teratur dan rapi – *al-hamdu li Lāh* usaha-usaha dan kelebihan kerajaan Johor dengan bantuan dan peruntukannya kepada jabatan agamanya.

Adapun pentadbiran Jabatan Agama Selangor – sepanjang yang kita ketahui – terpecah kerja-kerja kepada dua pejabat agama dan majlis agama Islam. Pejabat agama diberi peruntukan oleh kerajaan negeri, tetapi majlis agama adalah bergantung kepada kutipan zakat dan zakat fitrah semata-mata. Dengan cara terbahagi dua ini pekerjaan dan pentadbirannya terpecah sekalipun Yang Dipertua kedua-duanya sama orang itu juga.

Negeri Selangor, yang mendukung ibu kota Malaysia, Kuala Lumpur, penduduk campuran semakin banyak dan pengaruh agama lain besar dan membesar. Ini terbukti bahawa beberapa banyak gereja-gereja baharu didirikan terutamanya di Petaling Jaya yang dilingkungi oleh orang-orang Islam dan mercup pula badan-badan amal mereka yang diberi tanah oleh kerajaan Selangor untuk menjalankan usaha-usaha kebajikan yang berlatar belakang Kristian, sedang di Petaling Jaya yang begitu luas hanya ada dua buah masjid, satu Masjid Universiti – di pintu masuk ke universiti dan sebuah lagi Masjid Sultan Abdul Aziz di Jalan Templer.

“Kebebasan beragama” yang diberi oleh kerajaan pusat kepada agama-agama lain bukan daripada agama Islam sangat luas, sehingga dengan kerananya mereka boleh membuat seruan agama mereka kepada umat Islam dan dengan demikian itulah Tengku Perdana Menteri sendiri mengisyiharkan delapan puluh orang lebih telah memeluk agama Kristian.


Siapa bersalah dan bagaimana boleh terjadi hal serupa ini yang belum pernah berlaku dahulunya, tidaklah kita hendak membahasnya, tetapi yang mustahaknya ialah jabatan agama Selangor dan umat Islam hendaklah membuat “pagar” supaya penyakit itu jangan merebak ke dalam masyarakat orang-orang Islam.

Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah pernah bersabda yang maksudnya – “Kepapaan seseorang itu boleh membawa kekufurran”.

Pada masa sekarang banyak pemuda-pemuda kampung yang pergi ke bandar-bandar mencari kerja. Mereka pergi ke sana ke mari. Kemudian mereka kalau berjumpa dengan orang yang bernama Zain atau seumpamanya yang masih ada nama Islam, tetapi sudah Kristian, mereka dipujuk akan diberi wang sebanyak \$300 atau \$350 dan akan dicarikan kerja serta mencontohkan dirinya yang dahulunya susah sekarang telah ada motokar dan seumpamanya. Mereka mula tidak payah pergi ke gereja, tetapi mereka mengadakan sembahyang mereka memakai “group” empat lima orang di sebuah rumah sahaja pada mula-mulanya.

Inilah perkara yang berbahaya dan bakal merosakkan seperti anai-anai masuk di dalam kayu tidak sedar kayu itu hancur dan telah bertukar rupa. Bagaimana kita menghadapi masalah ini?

Perkara ini sangat sulit. Oleh yang demikian kita meminta kerajaan bertindak atas sesuatu atau mengadakan mengesyorkan, (kerana hal ini berlaku di Selangor), sekatan-sekatan dan peraturan-peraturan yang tertentu kepada kerajaan maka mustahak jabatan agama memanggil suatu mesyuarat badan-badan Islam yang terkemuka seperti PERKIM, al-Rahmaniyyah, Selangor atas nama umat Islam. Cara yang semacam inilah Persekutuan Penuntut-penuntut Universiti Islam, Persatuan satu kerjasama yang kuat antara jabatan agama dan Penuntut-penuntut Kolej Islam, Jamiyah dan lain-lain ke suatu badan-badan Islam yang mereka satu tujuan dan haluan meja untuk mencari jalan samada mengambil langkah adalah bekerja untuk kesucian umat Islam.



Gambar guru-guru dan murid-murid Sekolah Agama Kerajaan Petaling Jaya Seksyen (8), sekolah ini sekarang mengandungi 90 orang murid-murid, dan tiga guru agama iaitu Ustaz Abdul Hamid Umar dan Ustazah Fatimah Yusuf serta Ustazah Halimah Haji Mansur.

Bagi pihak guru-guru di sini menyeru kaum Muslimin yang berada di Petaling Jaya serta tempat-tempat yang berhampiran dengannya supaya menghantar anak-anak mereka belajar agama Islam di sekolah ini, di samping itu, anak-anak itu belajar keduniaan. Kerana di zaman serta kemajuan ini jikalau anak-anak kita tidak dididik semangat Islam (kerohanian) nescaya mereka akan rosak dan hanyut dengan gelombang kemungkaran yang ada di sekelilingnya. – Sekianlah – terima kasih
– Kiriman: Abdul Hamid Umar